

**Tinjauan Buku**  
**Retorik Penulisan Dakwah**  
**Nor Raudah Hj.Siren**

Bangi: Penerbit UKM, 2024, 240 halaman,  
ISBN 978-983-100-672-6

Dakwah merupakan aktiviti seruan yang ditugaskan kepada kaum Muslimin kepada khalayak dengan cara menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Dakwah juga bersifat seruan untuk melakukan kebaikan dan menjauhi keburukan, maka isi kandungan dalam dakwah menjadi tumpuan dan matlamat dakwah. Selain mesej dakwah, gaya penyampaian turut menjadi elemen penting dalam membantu serta mempengaruhi khalayak memahami mesej dakwah dengan berkesan. Isi kandungan yang mengandungi mesej-mesej dakwah tersebut merupakan taksiran yang disampaikan dalam al-Quran dan sunah Rasulluallah SAW yang dijadikan pembimbing kepada masyarakat dalam melaksanakan kehidupan mereka. Usaha untuk menyampaikan dakwah berkait dengan tugas mengubah pendapat, tingkah laku dan keyakinan manusia. Oleh itu, ilmu retorik dengan pelbagai gaya dan pendekatan boleh digunakan bagi mempertingkatkan keberkesanan penyampaian mesej dakwah kepada khalayak. Penjelasan yang mendalam terhadap konsep retorik dakwah terutamanya dalam penulisan dapat membantu pendakwah menyampaikan tugas mereka sebagai khalifah di bumi ini.

Sehubungan itu, buku berjudul “Retorik Penulisan Dakwah” ini cuba menyerlahkan tentang peri pentingnya kaedah untuk memanipulasikan minda dan perasaan khalayaknya (usul pembujukan dakwah) sama ada secara lembut, secara keras, secara halus, secara terang-terang, pendalilan rasional dan pendalilan emotif yang sesuai dengan kehendak al-Quran sebagaimana dalam surah *al-Nahl* ayat 125. Buku hasil nukilan Nor Raudah Siren ini terbahagi kepada enam bab, iaitu tentang alat penyampaian dakwah, penulisan dakwah, retorik pembujukan dakwah, retorik diri pendakwah, retorik dalam penyampaian mesej dakwah dan retorik pembujukan dakwah oleh Siddiq Fadzil dan Fadzil Noor. Buku ini juga memfokuskan aspek mesej dakwah dan aspek retorik pembujukan dalam penulisan dakwah yang merujuk kepada teks ucapan dasar pemimpin ABIM dan PAS sahaja. Teks ini mengandungi pemikiran penulisnya yang boleh dijadikan sumber aspirasi yang bermakna kepada generasi baru yang bakal mendukung dan menggerakkan perjuangan dakwah Islam. Walaupun ucapan dasar tersebut berada pada zamannya, tetapi ia memiliki jalinan pemikiran yang berterusan untuk dimanfaatkan oleh generasi muda.

Isu-isu berkaitan kajian terdahulu tentang dakwah dinyatakan oleh penulis dalam bab 1 buku ini. Penulis membawa pembaca memahami tentang penggunaan retorik dalam penulisan dakwah diperlihatkan menerusi analisis terhadap teks ucapan dasar dua orang tokoh hebat, iaitu Siddiq Fadzil (1980-an) dan Fadzil Noor (1990-an). Oleh itu, pemahaman teori retorik penulisan dakwah ini digunakan untuk mengesan dan menganalisis teks penulisan ucapan dasar oleh dua tokoh ini dengan melihat mesej dan isi kandungan dakwahnya dengan menggunakan teknik pembujukan sebagai strategi penyampaian dakwah mereka. Kajian terdahulu seperti Salabi (1982) mengetengahkan tiga perkara asas kaedah dakwah yang perlu digunakan, iaitu *al-hikmah*, *al-mawizah al-hasannah* dan *al-mujadalah* sebagaimana terdapat di dalam al-Quran. Namun begitu, bidang retorik merupakan bidang yang begitu luas untuk diperkatakan. Justeru,

buku ini membataskan aspek retorik hanya yang berkaitan dengan mesej dakwah (*maudu' al-da'wah*) dan gaya penyampaian (*uslub al-da'wah*) bagi memastikan matlamat dakwah dilaksanakan dengan jayanya.

Perbincangan tentang penulisan dakwah seperti komunikasi dakwah dan retorik penulisan dakwah dibincangkan dalam Bab 2 buku ini. Terdapat beberapa elemen penulisan dakwah yang diutarakan oleh pengkaji, iaitu penulis (*da'i*) dan pembaca (*mad'u*). Walau bagaimanapun, elemen mesej dakwah (*maudu' al-da'wah*) dan gaya penyampaian (*uslub al-dawah*) turut menjadi elemen yang penting dalam sesebuah karya dakwah.

Bab 3 buku ini mengetengahkan model pembujukan dakwah Nor Raudah Siren dengan mengetengahkan tiga kaerah dakwah, iaitu kaerah dakwah pembujukan *al-hikmah*, *al-mawizah al-hasannah* dan *al-mujadalah*. Kaerah dakwah *al-hikmah* terdiri daripada dua kaerah, iaitu kaerah dakwah pembujukan *al-hikmah* secara lembut dan kaerah dakwah pembujukan *al-hikmah* secara tegas. Kaerah dakwah *al-mawizah al-hasannah* pula terdiri daripada dua kaerah dakwah, iaitu kaerah pembujukan *al-mawizah al-hasannah* secara halus dan kaerah dakwah pembujukan *al-mawizah al-hasannah* secara terus-terang. Seterusnya, bagi kaerah *al-mujadalah* terdiri daripada kaerah dakwah *al-mujadalah* pendalian secara rasional, iaitu berdasarkan pendalilan *aqli* dan pendalilan *naqli*.

Penerokaan aspek retorik diri pendakwah telah dibincangkan dalam Bab 4 buku ini. Pendakwah merupakan pembawa misi agama Islam. Di bahunya terpikul amanah yang berat bagi menyampaikan risalah Allah SWT dan mencegah kemungkaran yang berlaku di muka bumi ini. Pendakwah juga bertanggungjawab untuk memakmurkan alam agar insan yang bertebaran di muka bumi ini hidup dengan bahagia dan sejahtera sama ada di dunia maupun akhirat. Oleh itu, penyebaran dakwah memerlukan kemahiran dan penguasaan ilmu yang tinggi seperti psikologi, metodologi dan strategi penyampaian dakwah.

Hasil penelitian data dan kajian tentang aspek retorik dalam penyampaian mesej dakwah dibincangkan dalam Bab 5 buku ini. Dapatan kajian telah dirungkaikan bahawa Siddiq Fadzil dan Fadzil Noor mempunyai gagasan dan pemikiran yang memperlihatkan kredibiliti mereka sebagai pemimpin dalam kalangan ulama kerana kemampuan mereka menterjemahkan pemikiran Islam dalam siri ucapan mereka selaras dengan tuntutan al-Quran dan al-Sunah. Walau bagaimanapun, semasa menyampaikan mesej dakwah, mereka membawa pemikiran selaras dengan perjuangan institusi yang didukung. Siddiq Fadzil membawa pemikiran dakwahnya yang bebas dari unsur kepartian dengan memperkasakan pemikiran *manhaj malizinya*, manakala Fadzil Noor mengikat pemikiran dakwahnya dengan pemikiran politik PAS dengan memperkasakan pemikiran *tahallus al-syiasinya*.

Mesej dakwah dalam teks ucapan dasar ABIM dan PAS dianalisis bagi memperoleh gagasan dan pemikiran dakwah yang cuba disampaikan oleh pemimpinnya selari dengan matlamat yang didukung oleh pemimpin ABIM, iaitu Siddiq Fadzil dan tokoh pemimpin PAS, iaitu Fadzil Noor. Analisis teks ucapan dasar dilakukan dengan menggunakan kaerah kualitatif dengan membuat analisis kandungan secara triangulasi, iaitu teks dilihat dari pelbagai perspektif dan sudut pandangan. Kandungan dianalisis dengan menginterpretasikan mesej dakwah yang terdapat dalam teks ucapan dasar pemimpin ABIM dan PAS berdasarkan teori mesej dakwah yang membahagikan isu kepada beberapa aspek seperti isu akidah, isu syariah, isu akhlak dan isu semasa.

Selanjutnya, Bab 6 buku ini memfokuskan aspek retorik pembujukan dakwah Siddiq Fadzil dan Fadzil Noor berdasarkan teori pembujukan dakwah yang diperkenalkan untuk menganalisis teks kedua-dua tokoh ini. Uslub pembujukan yang digunakan adalah berdasarkan Surah *an-Nahl* ayat 125, iaitu pembujukan secara *al-hikmah*, *al-mawizah al-hasannah* dan *al-*

*mujadalah*. Kajian mendapati telah wujud perbezaan dari segi penggunaan kaedah pembujukan dalam teks ucapan dasar kedua-dua tokoh ini bagi kategori yang lain. Kaedah tersebut ialah kaedah keras dan penggunaan pendalilan emotif.

Retorik pembujukan dakwah kedua-dua tokoh ini juga memperlihatkan ketokohan mereka sebagai ulama yang berperanan memimpin di samping mentarbiyah khalayaknya sebagaimana acuan yang diinginkan oleh institusi yang didukung mereka. Siddiq Fadzil memperlihatkan keupayaannya membawa hujah-hujah yang berautoriti daripada sumber-sumber yang menepati kehendak Islam, iaitu al-Quran dan al-hadis. Fadzil Noor pula memperlihatkan ketokohnya sebagai pemimpin ulama yang mampu membawa pemikiran politik Islam selaras dengan kehendak parti yang didukungnya. Sikapnya yang tegas dan bijak berhujah menggunakan ketajaman akalnya menjadikan ucapannya yang kaya dengan kritikan-kritikan yang pedas, terutamanya kepada golongan pemimpin dan pemerintah.

Secara keseluruhannya, buku ini sangat bermanfaat kepada golongan pembaca yang berminat mengetahui aspek retorik dalam dakwah, khususnya kepada para pengkaji dalam bidang perkembangan bahasa dan dakwah. Perbincangan dalam buku ini menunjukkan bahawa Siddiq Fadzil dan Fadzil Noor merupakan ikon pendakwah yang berkaliber dalam mengubah minda, tingkah laku dan pendapat khalayaknya dalam usaha mendalami dan menghayati ilmu-ilmu Islam. Buku ini mampu memberikan banyak informasi dan membimbang pendakwah dalam memanipulasikan ilmu retorik untuk tujuan kebaikan. Hal ini kerana ilmu retorik bukan hanya sekadar alat yang boleh digunakan untuk tujuan keberkesaan proses komunikasi tetapi juga boleh digunakan untuk tujuan kebaikan atau tujuan kecurangan.

Mohd Muhammi Abdul Rahman  
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
[muhaimiar87@gmail.com](mailto:muhaimiar87@gmail.com)